

30 JUL 1999

Anwar-Laporan

ANWAR BUAT LAPORAN POLIS, TUDUH DAIM RASUAH

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menjalani hukuman penjara membuat laporan polis terhadap Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin dengan menuduhnya melakukan rasuah.

Salinan fotostat laporan itu diedarkan kepada pemberita pada persidangan media oleh isteri Anwar Datin Seri Wan Azizah Ismail yang juga Presiden Parti Keadilan Nasional di kediamannya di Bukit Damansara di sini.

Dalam laporan itu, Anwar menyertakan salinan surat yang ditulis oleh tokoh-tokoh utama korporat iaitu Tan Sri Halim Saad, Tan Sri Tajudin Ramli dan Tan Sri Wan Azmi Hamzah to Daim.

Beliau mendakwa bahawa kandungan surat-surat itu, yang menyatakan tentang berjuta-juta saham yang dikatakan dipegang secara amanah bagi pihak Daim "menunjukkan perlakuan rasuah oleh Daim".

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun selepas didapati bersalah terhadap tuduhan menggunakan kedudukannya untuk menghalang siasatan polis terhadap dakwaan salahlaku seks membabitkan dirinya dan kini dibicarakan terhadap tuduhan liwat.

Dalam laporan itu, Anwar berkata beliau "agak pasti" bahawa jumlah yang disebutkan itu cuma sebahagian kecil daripada perolehan Daim yang diperolehinya melalui perlakuannya yang dikatakan berunsur rasuah.

"Saya mempunyai maklumat bahawa sebahagian besar wang itu ialah hasil pengagihan saham Resorts World, syarikat perjudian di Genting Highlands yang disenaraikan atas kelulusan Daim sejurus sebelum beliau meninggalkan Kementerian Kewangan pada 1991," kata Anwar.

Daim dilantik semula Menteri Kewangan awal tahun ini.

Anwar sebelumnya telah membuat laporan polis terhadap kerugian yang dialami oleh Perwaja Steel dan terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana tidak mengemukakan pertuduhan rasuah terhadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

-- BERNAMA

MAM sj FAZ